



KENYATAAN MEDIA
MENTERI KANAN PERTAHANAN

7 APRIL 2021

**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
(PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 64,559 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seramai 3,659 Pasukan Pematuhan melibatkan 16,027 anggota telah membuat pemantauan di 4,439 pasaraya, restoran (5,714), kilang (2,255), bank (3,809), pejabat kerajaan (1,119) dan penjaja (2,736).

Turut dipantau ialah pasar awam/tani (2,206), tempat ibadah (3,118), tempat riadah (1,850), terminal pengangkutan darat (1,552), terminal pengangkutan air (377) dan terminal pengangkutan udara (138).

Semalam, 92 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP dan daripada jumlah itu, 88 dikompaun manakala empat (4) lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (43)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (21)
- Gagal merekod butiran diri di aplikasi MySejahtera (21)
- Tidak memakai pelitup muka (5)
- Premis beroperasi lebih masa/tanpa kebenaran (2)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 43 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Sebanyak 153 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 11 aktiviti penglihatan. Seramai tiga (3) orang PATI diusir melalui dua (2) aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 257 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 198 SJR
Op BENTENG PDRM	- 50 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 68 operasi sanitasi dilakukan meliputi 21 zon merah, zon jingga (3), zon kuning (12) dan zon hijau (1) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 352 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 213 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 56 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 20,422 operasi sanitasi yang merangkumi 154 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 765 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 166,592 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 73 hotel dan lapan (8) Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,799 individu telah dikuarantin dan 157,523 orang dibenarkan pulang manakala 1,270 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 676 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (494), pemborong (151) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,142 pemeriksaan khas dan semua premis didapati mematuhi SOP.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 1,776 warga asing telah menjalani ujian saringan dan daripada jumlah itu, 11 orang didapati positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 676,384 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 35,007 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,162 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 666,222 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Penamatan PKPD Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 8 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 558 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 13 kes telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini adalah terkawal dan semua kes positif telah menerima rawatan manakala kontak rapat telah diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah pada 8 April 2021 seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Siasai Tamu, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Siasai Tamu, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 8 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 602 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak sembilan (9) kes telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini terkawal dan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 22 Mac 2021 iaitu sebanyak lima (5) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Siasai Tamu, Kota Belud, Sabah pada 8 April 2021 seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD di Kampung Chupak, Siburan, Serian, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Chupak, Siburan, Serian, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 8 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 968 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 111 kes telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Chupak, Siburan, Serian, Sarawak pada 9 April 2021 seperti yang dijadualkan.

Pelanjutan PKPD di Kampung Batu Gong, Siburan, Serian, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Batu Gong, Siburan, Serian, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 9 April 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 485 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 95 kes positif COVID-19 direkodkan.

KKM juga mengesahkan masih berlaku penularan jangkitan serta terdapat kes baru yang dikesan dalam kalangan komuniti di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Batu Gong, Siburan, Serian, Sarawak bermula 10 April sehingga 23 April 2021.

PKPD di Penjara Sri Aman dan Kwarters Kakitangan, Sri Aman, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Penjara Sri Aman dan Kwarters Kakitangan, Sri Aman, Sarawak.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 482 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 289 kes positif COVID-19 direkodkan melibatkan 279 orang tahanan, lapan (8) petugas penjara dan dua (2) ahli keluarga kakitangan penjara.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Sri Aman dan Kwarters Kakitangan, Sri Aman, Sarawak bermula 8 April hingga 21 April 2021.

SOP PKPD di penjara ini sama seperti yang diumumkan sebelum ini termasuk pergerakan keluar masuk dan lawatan oleh ahli keluarga adalah tidak dibenarkan.

PKPD di Kampung Serpan Laut, Asajaya, Bahagian Samarahan, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini turut melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Serpan Laut, Asajaya, Bahagian Samarahan, Sarawak.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 62 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak lima (5) kes positif COVID-19 telah direkodkan di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Serpan Laut, Asajaya, Bahagian Samarahan, Sarawak bermula 8 April sehingga 21 April 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar ke atas semua penduduk yang terlibat dan seterusnya menghalang penularan dalam komuniti.

YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN